

Masma dinaik taraf tangani banjir kilat

BH 13/16

PUTRAJAYA: Kerajaan akan menaik taraf Manual Saliran Mesra Alam (Masma) yang diperkenalkan pada 2001 bagi menangani banjir kilat dan mutu air saliran bandar, menjadi undang-undang, tahun depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata langkah itu memastikan semua pihak terutama pemaju projek pembangunan mematuhi peraturan tebatan banjir kilat walaupun Masma sudah diperkenalkan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Masma diguna pakai hanya sebagai panduan... tidak dijadikan undang-undang. Ia memang dimaklum-

kan kepada PBT tetapi bergantung kepada pemaju yang hendak memajukan projek (mematuhinya)," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya Tetap Bagi Mengawal Banjir di sini, semalam.

Masma antara lain menggariskan bagaimana penduduk dan PBT dapat menolong mengawal laluan air hujan bagi mengelak banjir kilat serta mengawal mutu air saliran bandar yang mengalir ke sungai.

Manual itu juga menekankan konsep kawalan banjir dan pencemaran air pada punca serta menyediakan pendekatan supaya masalah kawalan aliran air di kawasan yang dibangunkan tidak menjejaskan kawasan berhampiran.

Azmi berkata, cadangan menaik taraf Masma kepada undang-undang akan dikemukakan kepada Kabinet awal tahun depan.

"Sebaik mendapat persetujuan Kabinet kita akan susul langkah seterusnya... kadang-kadang tidak perlu dibawa kepada Parlimen untuk dinaikkan taraf sebagai undang-undang," katanya.

Azmi berkata, Masma selepas dinaik taraf sebagai undang-undang akan mempunyai peruntukan khusus membolehkan tindakan diambil terhadap individu atau pihak yang enggan mematuhinya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bentuk tindakan atau hukuman yang akan dikenakan.